

Season Three: The Land

Narration / Voice Over	Visual/ Effect
<p data-bbox="188 520 415 569">EPISOD 33</p> <p data-bbox="188 632 824 842">PANDANGAN KITAB-KITAB TUA SELAIN TAURAT DAN INJIL TERHADAP SEJARAH KENABIAN NABI-NABI</p> <p data-bbox="188 909 363 957">SUARA:</p> <p data-bbox="188 1020 894 1883">MAKLUM MENGETAHUI BAHAWA SEGALA CERITA TENTANG NABI-NABI DAN SEJARAH MEREKA BERDASARKAN APA YANG DISEBUT DI DALAM TAURAT, INJIL DAN QURAN. AL-QURAN PADA ZAHIRNYA TELAH MENYEBUT DAN MENCERITAKAN KISAH-KISAH ANBIYA` INI BERDASARKAN FAKTA DAN KETERANGAN YANG KUKUH. MANAKALA TORAH & BIBLE TELAH MENERANGKAN SESUATU ISU TENTANG KISAH-KISAH</p>	

KENABIAAN ITU KADANG-KADANG AGAK TERLALU TERPERINCI SEHINGGA KURANG BERSANDARKAN NAS-NAS BAHASA. SEBAGAI CONTOH KISAH-KISAH ISRAELIYYAT YANG DITOKOK TAMBAH UNTUK MENYEDAPKAN CERITA. TERDAPAT BEBERAPA CONTOH YANG BOLEH DIKEMUKAKAN SEPERTI KISAH NABI SULAIMAN DENGAN PUTERI SABA`. AL-QURAN TIDAK MENYEBUT NAMA PUTERI TERSEBUT TETAPI MASYARAKAT ISLAM MENGENALINYA SEBAGAI `BALQIS`. PERSOALANNYA DARI MANA NAMA BALQIS INI MUNCUL JIKA TIDAK MELALUI MAKLUMAT DARI TAURAT, BIBLE DAN KITAB-KITAB YAHUDI. SELAIN ITU KISAH IBRAHIM A.S. MEMPUNYAI SEORANG LAGI ISTERI YANG BERNAMA `QATURAH` SAMA SEKALI TIDAK PERNAH DISEBUT DALAM AL-QURAN ATAU

HADIS. BEGITU JUGA KISAH NABI YUSUF DENGAN ISTERI SEORANG MENTERI MESIR AL-AZIZ, BAGAIMANA MASYARAKAT DAPAT MENGETAHUI NAMA WANITA INI ADALAH ZULAIKHA , HAKIKATNYA AL-QURAN TIDAK PERNAH MENYEBUT NAMA-NAMA INI DI DALAM PENCERITAAN KISAH-KISAH NABI.

JUSTERU ITU BAGAIMANAKAH ISLAM HARI NI MENILAI DAN MELIHAT PEMBAWAAN KISAH-KISAH NABI INI DI DALAM MASYARAKAT MEREKA? ATAUPUN MASYARAKAT ISLAM MEMERLUKAN PERTOLONGAN DARI MAKLUMAT TAURAT ATAU INJIL ATAU KITAB-KITAB YAHUDI DAN NASRANI DALAM MENDAPATKAN MAKLUMAT SEBELUM KELAHIRAN RASULULLAH S.A.W? KEMUNGKINAN INI ADA KERANA KEBANYAKKAN

PENULISAN-PENULISAN
ILMIAH DUNIA ISLAM
TERTUMPU DI ZAMAN
PERMULAAN ISLAM IAITU
BERMULA DARI KELAHIRAN
RASULULLAH S.A.W.
SEHINGGA KE ZAMAN
SETERUSNYA KHULAFAT` AR-
RASHIDIN, KERAJAAN
UMAWIYYAH , KERAJAAN
ABBASIYAH, UTHMANIYAH
DAN SETERUSNYA. BEGITU
JUGA DENGAN MASALAH
KHILAF DI KALANGAN
MAZAHIB SAMADA DARI
SUDUT FIKAH ATAU AQIDAH.
PERSOALANNYA DI MANA
DUNIA ISLAM DALAM
SEJARAH SEBELUM
KELAHIRAN RASULULLAH
SAW INI?

MAGID KHAIR BIK DI DALAM
BUKUNYA اللغة العربية جذورها
وانتشارها وتأثيرها في الشرق والمغرب
CUBA MENYINGKAP SEJARAH
BAHASA SEBELUM
KELAHIRAN RASULULLAH
SAW MALAH BELIAU TELAH
MENERANGKAN BAGAIMANA
PROSES BAHASA ARAB TELAH

MELALUI BEBERAPA EVOLUSI. PENULIS MELIHAT PANDANGAN DAN PENULISAN SEPERTI INI PERLU DIKETENGAHKAN BAGI MEMBONGKAR APAKAH YANG TERJADI PADA ZAMAN-ZAMAN TERSEBUT DENGAN BERSANDARKAN KEPADA BUKTI-BUKTI YANG TERTULIS ATAU KESAN PENINGGALAN SEJARAH. INI PERLU SUPAYA MAKLUMAT YANG DIPEROLEHI TIDAK DITERIMA BULAT-BULAT YANG HANYA BERDASARKAN PANDANGAN-PANDANGAN YAHUDI DAN NASRANI YANG SEMEMANGNYA SUDAH TERKENAL DENGAN SIKAP MANIPULASI TERHADAP MAKLUMAT.

TERDAPAT BEBERAPA ISU DAN CONTOH YANG MENERANGKAN BAHAWA MAKLUMAT SEJARAH INI SUDAH DIUBAH, NASAB NABI IBRAHIM A.S. TELAH MENJADI ISU PERBINCANGAN HEBAT

APABILA PIHAK YAHUDI DAN KRISTIAN MENDAKWA BAHAWA BELIAU MERUPAKAN BANGSA YAHUDI. QURAN PADA HAKIKATNYA TELAH MENERANGKAN DENGAN JELAS BAHAWA (ما كان إبراهيم يهودياً ولا نصرانياً بل حنيفاً مسلماً)
IBRAHIM KHALILLULLAH BUKAN BERBANGSA YAHUDI, MALAH BELIAU ADALAH BERBANGSA ARAM BERCAKAP DENGAN MENGGUNAKAN BAHASA ARAMAİK YANG MANA KOTA ARAM INI DIKENALI SEBAGAI DAMSYİK PADA HARI NI. INI BERMAKNA PUSAT BAHASA ARAMAİK ADALAH BERMULA DI DAMSYİK YANG TERLETAK DI SYRIA. KEBANYAKKAN MAKLUMAT-MAKLUMAT DALAM TAURAT ATAU INJIL DIUBAH SUAI DAN BUKANNYA BERASAL DARI KALAM TUHAN YANG ASAL. DI SINI KITA CUBA DEDAHKAN BEBERAPA CERITA DI DALAM TAURAT

DAN INJIL MEMPUNYAI
PERSAMAAN DENGAN KISAH-
KISAH YANG BERLAKU
SEBELUM ZAMAN NABI MUSA
A.S. MAKLUMAT-MAKLUMAT
INI TERTULIS DI DALAM
CATATAN BATU BERSURAT
DAN KITAB-KITAB TUA
DALAM PENULISAN TENTANG
KERAJAAN AKKADIAH,
BABYLON, KANANIAH DAN
ASYURIAH, YANG MANA
MEREKA MERAHSIAKAN
MAKLUMTA ASAL INI. KITA
TIDAK AKAN MENGETAHUI
TENTANG PERSAMAAN
CERITA-CERITA INI
MELAINKAN MERUJUK
KEPADA PENULISAN-
PENULISAN KUNO INI.
ANTARANYA KISAH REKAAN
TENTANG TAUFAN NABI NUH
A.S. DI MANA TELAH DIUBAH
SUAI BERDASARKAN KISAH
TAUFAN DI DALAM EPIK
GILGAMESH. BEGITU JUGA
KISAH HABIL DAN QABIL
SEBENARNYA BERASAL DARI
KISAH EMIESH DAN EITIEN.
KISAH MUSA DIHANYUTKAN

KE SUNGAI SEMATA-MATA
 UNTUK MENGELAK DARI
 DIBUNUH ADALAH
 MENYERUPAI KISAH SARGON
 YANG MENJADI RAJA
 AKKADIAH YANG TELAH
 DIHANYUTKAN KE SUNGAI
 UNTUK MENGELAKKAN DARI
 DIBUNUH OLEH RAJA YANG
 ZALIM PADA KETIKA ITU.
 PADA HAKIKATNYA SIAPA
 MUSA A.S. SEBENARNYA?
 KALAU DIKAJI DARI SUDUT
 NAMA BELIAU ADALAH
 BERBANGSA MESIR DAN
 TIADA KAITAN DENGAN
 `IBRANI` SEPERTIMANA YANG
 DIDAKWA OLEH BANGSA
 YAHUDI DAN KRISTIAN.
 MANAKALA PERKATAAN
 (القدس) اورشليم BERASAL DARI
 PERKATAAN KANAAN باروشالم
 IAITU BERMAKNA دع شالم يؤسس
 `JOM BINA AL-QUDS` . شالم
 BERMAKNA TUHAN YANG
 SATU BAGI ORANG-ORANG
 KANAAN. NAMA INI MUNCUL
 DI DALAM BAHASA
 PHINIEQIAH SEBAGAI ابشالوم و
 سليمان . BEGITU JUGA

PERKATAAN `YAHWEH` YANG BERMAKNA MENGUASAI KAWASAN PADANG PASIR. MERUPAKAN NAMA TUHAN ORANG-ORANG KANAAN SEOLAH-OLAH GELARAN INI DITUJUKAN KEPADA ARAB INI KERANA KABILAH ARAB MERUPAKAN MEREKA YANG TINGGAL DI PADANG PASIR DI DALAM KHEMAH-KHEMAH. KEMUDIAN BANGSA ISRAEL MENGAMBIL NAMA `YAHWEH` INI UNTUK DIJADIKAN NAMA TUHAN-MEREKA. MANAKALA DARI SUDUT PEMIKIRAN BAHASA DAN SASTERA WAZAN SYAIR UGARIT TIADA PERBEZAAN DENGAN SYAIR IBRANI, DAN MAKLUM MENGETAHUI BAHAWA BAHASA UGARIT LEBIH AWAL BERBANDING BAHASA IBRANI. BEGITU JUGA TERDAPAT PERSAMAAN MEFRADAT, PEMIKIRAN DAN WAZAN DI DALAM SYAIR DAN MAKLIMAT SASTERA UGARIT DAN المزامير العبرانية QANUN-QANUN DALAM KITAB

ZABUR. KITAB ZABUR DALAM VERSI ASAL ADALAH DALAM BAHASA KANAAN SECARA JELAS TELAH MENERANGKAN BAHAWA SYAIR IBRANI MEMPUNYAI PERSAMAAN DENGAN NASKHAH ASAL YANG DITULIS DALAM BAHASA UGARIT. MAKLUMAT INI TELAH DISEBUT DI DALAM BEBERAPA BATU BERSURAT UGARIT.

APAKAH PULA BAHASA YANG DITUTURKAN OLEH MUSA DAN DI DALAM BAHASA APAKAH PULA 10 SYARIAT MUSA DITURUNKAN DI BUKIT TUR SINA, MENGIKUT PANDANGAN SELAIN TAURAT? PENDAPAT SELAIN TAURAT TELAH MENGATAKAN BAHAWA BAHASA YANG DITUTURKAN OLEH MUSA A.S. DAN PENGIKUTNYA ADALAH BAHASA HELIGRAFIAH MESIR BEGITU SYARIAH MUSA INI DITURUNKAN DI DALAM BAHASA INI KERANA BAHASA

INI MERUPAKAN BAHASA RASMI KERAJAAN FIRAUN MESIR. ADAPUN TAURAT YANG KITA DAPATI PADA HARI NI MERUPAKAN SALINAN SEMULA KE DALAM BAHASA IBRANI YANG OLEH ORANG-ORANG YAHUDI YANG DISALIN BERDASARKAN FAHAMAN DAN KEHENDAK MEREKA YANG DIAMBIL DARI BAHASA ARAMAİK DAN KANAAN . INI SEBENARNYA TELAH DIAKUI OLEH SEORANG ALIM YAHUDI BERNAMA `SILVER` DI DALAM BUKUNYA `MOSES AND THE ORIGINAL OF TORAH` BERBUNYI `TAURAT SEKARANG TIDAK SERUPA DENGAN TAURAT SEKARANG, SEHINGGA SYARIAT YANG 10 YANG MERUPAKAN BAHAN ASLI YANG SEJATI ITU PUN TELAH DITOKOK TAMBAH OLEH ULAMA` YAHUDI MAKA KEASLIAN DAN KESEMPURNAAN SYARIAT DAN TAURAT INI SAMA SEKALI BERBEZA DENGAN APA YANG

*TELAH DI DIBAWA OLEH NABI
MUSA A.S.`.*

MAKA INI JELAS BAHAWA
MAKLUMAT TAURAT INI
TELAH DIAMBIL DARI
SYARIAT-SYARIAT ORANG-
ORANG KANAAN, AKKADI
BABYLON DAN ARAMAİK.
BUKAN TAURAT SAHAJA
MALAH SYARIAT HAMURABBI
DAN KITAB ZABUR NABI
DAUD A.S. PUN TELAH DIUSIK
KEASLIANNYA
BERDASARKAN KAJIAN
ARCHEOLOGI. KENYATAAN
INI TELAH DISOKONG OLEH
SEORANG PENULIS PERANCIS
YANG BERNAMA JANE LOWE
BERNARD `BAHAWASANYA
*MAKLUMAT YANG
DIKEMUKAKAN OLEH
GOLONGAN YAHUDI DIAMBIL
DARI SEJARAH-SEJARAH SILAM
KEMUDIAN DIOLAH
PENCERITAAN ITU UNTUK
KEUNTUNGAN BANGSA YAHUDI
DAN SEGALA PENCERITAAN
ITU MEMIHAK KEPADA BANGSA
YAHUD, SEBAGAI CONTOH NABI*

SULAIMAN A.S MERUPAKAN SEORANG YAHUDI WALHAL BELIAU MERUPAKAN SEORANG YANG BERBANGSA ASSYURIA YANG DIKENALI SEBAGAI SHALMANSAR` , BEGITU JUGA BROKELMANN TELAH MENEGASKAN BAHAWA `ORANG-ORANG YAHUDI INI TELAH MENDALAMANI SEJARAH NASAB ORANG-ORANG KANAAN YANG BERASAL DARI SAM BIN NUH` . KENYATAAN INI ADA BENARNYA KERANA RAJA ORANG-ORANG KANAAN YANG DIKENALI SEBAGAI ملك أورشلیم YANG MENYEMBAH TUHAN YANG SATU DIKENALI SEBAGAI `YAHWEH` YANG TIDAK LAIN DAN TIDAK BUKAN MERUPAKAN NAMA SALAH SATU TUHAN BAGI PENDUDUK ARAB BADWI DI UTARA MESOPOTAMIA.

BEGITU JUGA TAURAT TELAH MEMESONGKAN MAKLUMAT TENTANG BAHASA YANG DIPERTUTURKAN OLEH NABI

<p>DAUD A.S.DAN ANAKNYA NABI SULAIMAN A.S. BAHASA YANG DIPERTUTURKAN OLEH KEDUA-DUA NABI INI ADALAH BAHASA ARAB ORANG-ORANG KANAAN DISEBUT SEBAGAI BAHASA بشفة كنعان DAN PERKATAAN ISRAEL ITU SENDIRI MERUPAKAN KALIMAH MILIK BANGSA`KANAAN`.</p>	
---	--